

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 10 JUN 2015

SOALAN :

YB. Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk mengalakkan agensi-agensi pelancongan menawarkan pelbagai pakej pelancongan dengan mempromosikan budaya tempatan selaras dengan agenda Kementerian untuk merencanakan sektor pelancongan domestik seiringan dengan sambutan Tahun Festival Malaysia 2015.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui agensi Tourism Malaysia telah mengambil pelbagai langkah bagi menggalakkan agensi-agensi pelancongan menawarkan pakej-pakej pelancongan, termasuk pakej yang mempromosikan budaya tempatan seperti yang berikut:-

1. Mengadakan bengkel-bengkel pembangunan pakej bagi membantu agensi-agensi pelancongan yang baru membangunkan pakej-pakej pelancongan yang menarik dan memenuhi keperluan pasaran;
2. Bekerjasama dengan pengusaha *homestay* bagi membangun dan mempromosikan pakej-pakej *homestay* yang memberikan pengalaman sebenar kehidupan masyarakat setempat dan budayanya kepada pelancong domestik;
3. Menjemput dan menggalakkan agensi-agensi pelancongan menyertai pameran pelancongan seperti MATTA Fair serta *roadshow* di seluruh negara;
4. Menjalankan kempen pengiklanan taktikal yang memuatkan pakej-pakej pelancongan istimewa sempena musim cuti sekolah;
5. Memberikan bantuan *tour operator support* kepada agensi-agensi pelancongan bagi membantu mereka menyediakan risalah mengenai pakej-pakej yang ditawarkan;

6. Memuatkan pakej-pakej berunsurkan budaya tempatan di dalam risalah "*Cuti-Cuti 1Malaysia 1001 Packages*" yang turut dimuat naik dalam laman web Tourism Malaysia seperti *Kuala Lumpur Culture and Heritage Tour*, *Warisan Adat Perpatih Negeri Sembilan*, *Little India & Pinang Peranakan Mansion Tour* di Pulau Pinang, *Jejak Merong Mahawangsa* di Kedah, *Sabah Cultural Experience* dan sebagainya;
7. Mengedarkan Kalendar Acara (*Calendar of Events*) 2015 kepada agensi pelancongan di dalam negara bagi membolehkan mereka memasukkan acara-acara pelancongan dan kebudayaan seperti *Majlis Rumah Terbuka Malaysia*, *Citra warna*, *1Malaysia Contemporary Art Festival*, *Pesta Perarakan Chingay*, *Perayaan Chap Goh Meh*, *Festival Nasi Ambeng*, *Regatta Lepa* dan sebagainya dalam pakej-pakej yang dipromosikan.

Bagi mempergiatkan lagi sektor pelancongan domestik ini, kempen pengiklanan baru iaitu DEKAT JE akan dijalankan bermula pertengahan tahun ini. Kempen ini dijalankan bagi :-

- i- Memberi kesedaran bahawa hubungan kekeluargaan dan rakan sebaya dapat dipertingkatkan menerusi aktiviti melancong di dalam negara
- ii- Meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat serta permastautin di Malaysia bahawa destinasi pelancongan yang unik dan menarik di Malaysia adalah dekat dan secara tidak langsung dapat menjimatkan masa dan wang

iii- Meningkatkan jumlah penginap di hotel-hotel di Malaysia dan secara tidak langsung dapat meningkatkan jumlah pendapatan negara

Kempen pengiklanan "DEKAT JE" ini akan dijalankan menerusi pelbagai medium pengiklanan utama iaitu televisyen, radio, akhbar, majalah, serta paparan iklan luar seperti *billboard*, *LED Network (e-bunting)*, *wallboard*, *bus wrap* dan lain-lain lagi.

Sekian, terima kasih.